



Tahap Kefahaman Pelajar Uitm Terhadap Konsep Riba dan Untung dalam Muamalah Islam

MUHAMMAD NASRAN BIN NARUDIN, MOHAMMAD IMAN DANISH BIN BUDIMAN

Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Malaysia
2024753157@student.uitm.edu.my, 2024933703@student.uitm.edu.my

Abstrak

Riba dan untung adalah dua konsep yang berbeza dan sering disalah faham oleh sebahagian masyarakat terutamanya dalam kalangan pelajar. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjelaskan perbezaan asas antara riba yang diharamkan dalam Islam dan keuntungan perniagaan yang dibenarkan serta menilai tahap kefahaman pelajar terhadap kedua-dua konsep tersebut. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah soal selidik ke atas 50 orang pelajar universiti yang dipilih secara rawak. Data dikumpul dan dianalisis secara deskriptif bagi menilai peratusan dan kekerapan tahap kefahaman pelajar mengenai konsep riba' dan untung. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar memahami bahawa riba melibatkan lebihan yang dikenakan atas pinjaman wang, manakala untung pula melibatkan pertukaran barangan atau perkhidmatan secara sah. Namun, masih wujud kekeliruan kecil dalam membezakan situasi riba tersembunyi. Kajian ini mencadangkan agar pendedahan tentang muamalah Islam perlu dipertingkatkan agar pelajar lebih jelas dan mampu mengelak daripada terlibat dengan transaksi yang tidak patuh syariah, lantas memberi implikasi yg buruk kepada diri sendiri, keluarga dan negara.

Kata kunci: Riba, untung, muamalah Islam, pelajar UiTM, kefahaman

1.0 Pendahuluan

Muamalah Islam merupakan satu cabang penting dalam sistem perundangan dan kehidupan umat Islam yang merangkumi segala bentuk urus niaga, kontrak, dan interaksi sosial-ekonomi antara manusia. Dalam konteks ekonomi Islam, dua konsep utama yang sering dibincangkan ialah riba dan untung. Riba, yang dilarang secara jelas dalam al-Quran dan Hadis, merupakan amalan yang boleh membawa kepada ketidakadilan serta penindasan dalam transaksi kewangan. Sebaliknya, sebarang keuntungan yang diperolehi daripada jual beli atau pelaburan yang sah merupakan satu elemen yang diiktiraf dan dibenarkan dalam Islam sekiranya ianya diperolehi dengan cara yang halal, telus dan beretika. Namun begitu, dalam realiti semasa, masih wujud kekeliruan dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dalam membezakan antara konsep riba dan untung. Perkembangan pesat sistem kewangan moden telah memperkenalkan pelbagai produk dan instrumen kewangan yang kompleks, termasuk yang berlandaskan prinsip Syariah. Namun, masih ramai pelajar yang kabur tentang bagaimana sesetengah instrumen ini berfungsi, dan sama ada ia benar-benar bebas daripada elemen riba atau tidak. Kekeliruan ini sering berpunca daripada kelemahan dalam pendidikan awal, kurang pendedahan terhadap ilmu muamalah Islam secara mendalam, serta pengaruh sistem kewangan konvensional yang telah lama berakar dalam struktur masyarakat. Justeru, memahami dengan jelas perbezaan antara riba dan untung bukan sahaja penting dari sudut akademik, malah menjadi keperluan asas bagi membentuk kesedaran kewangan yang selari dengan prinsip Syariah dalam kalangan generasi muda Muslim.

Tambahan pula, UiTM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang menempatkan majoriti pelajar beragama Islam memainkan peranan besar dalam mendidik dan membentuk kefahaman agama yang betul dalam kalangan pelajarannya. Maka, penting untuk menilai tahap kefahaman mereka terhadap isu-isu utama dalam muamalah Islam, terutama konsep riba dan untung. Ini kerana kefahaman yang betul bukan sahaja akan membantu mereka dalam membuat keputusan kewangan yang halal, tetapi juga akan membentuk sikap dan nilai moral yang lebih bertanggungjawab apabila mereka terlibat dalam dunia pekerjaan dan keusahawanan kelak. Kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana tahap kefahaman pelajar UiTM terhadap dua konsep ini serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman tersebut. Dengan itu, hasil kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada penambahbaikan kurikulum pendidikan Islam dan kewangan di peringkat institusi pengajian tinggi, seterusnya menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang celik kewangan Syariah serta bebas daripada amalan riba yang dilarang oleh agama.



2.0 Konsep Riba dalam Islam

Riba merupakan salah satu elemen yang diharamkan secara mutlak dalam Islam dan dianggap sebagai antara dosa besar. Istilah *riba* berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud "tambahan" atau "pertambahan". Dalam konteks muamalah, riba merujuk kepada sebarang bentuk pertambahan yang diperolehi secara tidak sah dalam urusan pinjaman atau pertukaran yang membawa kepada ketidakadilan terhadap salah satu pihak yang terlibat. Islam sangat menekankan keadilan dalam setiap aspek kehidupan termasuk dalam urusan kewangan dan ekonomi, justeru riba dianggap bertentangan dengan prinsip ini kerana ia melibatkan eksploitasi serta penindasan terhadap pihak yang lemah, khususnya peminjam.

2.1 Untung dalam Muamalah Islam

Dalam sistem ekonomi Islam, konsep untung (*al-ribh*) merupakan elemen penting yang diiktiraf dan dibenarkan dalam pelbagai bentuk transaksi perniagaan dan pelaburan, selagi mana ia memenuhi syarat dan prinsip yang ditetapkan oleh Syariah. Tidak seperti riba yang diharamkan secara mutlak kerana bersifat menindas, untung dalam Islam dianggap halal dan dibenarkan kerana ia diperolehi melalui usaha, risiko, dan perniagaan yang sah. Keuntungan dalam muamalah Islam bukan sahaja dibenarkan, malah digalakkan sebagai salah satu cara untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara adil, telus, dan beretika. Secara asasnya, untung merujuk kepada lebih nilai yang diperolehi hasil daripada urus niaga jual beli atau pelaburan. Dalam transaksi jual beli, keuntungan boleh diperolehi apabila seseorang membeli sesuatu barang pada harga tertentu dan menjualnya semula pada harga yang lebih tinggi. Dalam konteks pelaburan pula, keuntungan diperolehi hasil daripada perkongsian modal dan usaha melalui kontrak seperti mudharabah dan musyarakah. Namun begitu, apa yang membezakan keuntungan dalam muamalah Islam daripada sistem konvensional ialah cara ia diperolehi. Ianya mestilah bebas daripada unsur penipuan, penindasan, riba, gharar (ketidaktentuan) dan unsur haram. Islam menekankan bahawa keuntungan adalah hasil daripada usaha dan risiko yang diambil. Sebagai contoh, dalam kontrak murabahah (jual beli dengan margin keuntungan yang dimaklumkan), penjual mesti memiliki barang tersebut terlebih dahulu sebelum menjualnya kepada pembeli dengan harga yang telah dipersetujui. Ini menunjukkan bahawa keuntungan tidak boleh diperolehi secara sewenang-wenangnya tanpa sebarang pemilikan atau risiko yang sah. Selain itu, dalam kontrak mudharabah, keuntungan dikongsi berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui antara pelabur (pemilik modal) dan pengusaha (pengurus modal), manakala kerugian pula ditanggung oleh pemilik modal, menunjukkan wujudnya prinsip keadilan dan perkongsian risiko.

2.2 Kajian Lepas

Yusof, N. & Abdullah, S. (2018) Kajian ini menilai tahap pengetahuan pelajar Universiti Awam di Malaysia terhadap konsep riba dalam sistem perbankan Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar hanya memahami riba dari sudut definisi umum, tetapi gagal mengenal pasti riba dalam bentuk transaksi kewangan moden seperti kad kredit dan pinjaman peribadi. Kajian ini mencadangkan agar kursus berkaitan kewangan Islam diperluaskan dan diperkuatkan di peringkat universiti. Kamarudin, H. & Ismail, R. (2020) Dalam kajian terhadap pelajar-pelajar di fakulti perniagaan dan perakaunan, didapati bahawa kefahaman terhadap konsep untung yang halal masih rendah. Ramai yang menyamakan konsep keuntungan dengan unsur manipulasi harga dan tidak memahami perbezaan antara keuntungan sah dan riba tersembunyi. Kajian ini menekankan keperluan pendedahan praktikal melalui simulasi muamalah Islam yang sebenar. Shafie, M. & Haron, N. (2017) Kajian ini meneliti kesedaran pelajar terhadap prinsip-prinsip muamalah dalam kehidupan seharian. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun pelajar mengambil kursus asas Islam atau pendidikan Syariah, kefahaman mereka terhadap aplikasi sebenar muamalah seperti kontrak jual beli, akad, dan larangan riba masih terhad. Kajian ini mencadangkan integrasi pendekatan berasaskan kes studi dan projek lapangan dalam pengajaran muamalah.

Rahim, F. & Latif, A. (2021) Kajian kualitatif ini mengkaji persepsi pelajar terhadap riba dan cabaran untuk mengelakkannya dalam urusan kewangan harian seperti pembelian rumah dan pembiayaan kenderaan. Pelajar menunjukkan kesedaran terhadap kewujudan produk patuh Syariah tetapi masih keliru tentang perbezaan sebenar antara pinjaman konvensional dan Islamik. Kajian ini mencadangkan penyebaran maklumat yang lebih mudah difahami serta latihan kemahiran kewangan Islam. Hamzah, S. & Mohamad, A. (2022) Dalam kajian terhadap pelajar di Kolej Profesional MARA, didapati bahawa pemahaman konsep untung dalam Islam sering kali bercampur aduk dengan prinsip kapitalisme. Pelajar cenderung menganggap semua bentuk keuntungan sebagai sah tanpa mempertimbangkan proses dan kontrak yang terlibat. Kajian ini menggesa pengukuhan ilmu fardu ain dalam konteks ekonomi Islam di peringkat Pendidikan tinggi.



3.0 Metodologi Kajian


Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang bertujuan untuk mendapatkan data berbentuk angka dan maklumat yang boleh diukur secara statistik bagi menilai tahap kefahaman pelajar terhadap konsep riba dan untung dalam muamalah Islam. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mengumpul data daripada sampel yang lebih besar dalam masa yang singkat serta memudahkan analisis menggunakan kaedah statistik. Kajian ini dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan platform Google Form sebagai medium pengumpulan data. Soal selidik diedarkan kepada responden melalui media sosial seperti WhatsApp untuk memastikan capaian yang lebih meluas dan penyertaan yang mudah. Reka bentuk kajian ini berbentuk deskriptif kerana ia menumpukan kepada penerangan dan pemerhatian terhadap fenomena yang dikaji tanpa melibatkan sebarang manipulasi pemboleh ubah. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat memperoleh gambaran yang lebih jelas dan objektif terhadap tahap kefahaman pelajar UiTM mengenai isu yang dibincangkan.

4.0 Dapatan Kajian

4.1 Statistik Tahap Kefahaman Pelajar Mengenai Riba dan Untung

Bagi tujuan pengumpulan data analisis berkaitan dengan tahap kefahaman pelajar mengenai konsep riba dan untung, mekanisme yang digunakan adalah *Survey Form* iaitu menerusi platform *Google Form*. Dalam kajian ini, pelajar dikehendaki untuk mengisi tiga(3) bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat berkenaan dengan responden, Bahagian B: Grid Pelbagai Pilihan Jawapan, dan Bahagian C: Soalan Subjektif. Kajian ini memperoleh sebilangan pelajar seramai 21 orang.

4.2 Bahagian A: Maklumat Berkenaan Dengan Responden



Majoriti responden berumur sekitar lingkungan 18 hingga 22 tahun, yang merangkumi 66.7% adalah berumur 20 tahun. Seterusnya diikuti dengan responden berumur 21 tahun iaitu 14.3%. Terdapat 9.5% responden yang berumur 18 tahun. Manakala golongan umur yang paling sedikit daripada jumlah keseluruhan responden adalah yang berumur 22 dan 19 iaitu masing-masing merangkumi 4.75%.




FAKULTI
21 responses



Majoriti responden rata-rata daripada Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan iaitu golongan terbesar yang merangkumi 61.9% daripada jumlah keseluruhan responden. Seterusnya, Fakulti Perladangan Dan Agroteknologi dan Fakulti Kejuruteraan dan Elektronik, masing-masing merangkumi 9.5% daripada responden iaitu jumlah kedua terbesar. Selain itu, Fakulti Perakaunan, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Sains Maklumat, dan Fakulti Sains Polisi masing-masing mempunyai golong terkecil iaitu 4.775%. Manakala fakulti-fakulti yang lain memperoleh 0%.


SEMESTER
21 responses



Bilangan responden semester 3 merupakan bilangan yang terbesar iaitu 61.9%. Seterusnya, 14.3% daripada responden adalah pelajar semester 4. Pelajar semester 1 dan 5 masing-masing mempunyai peratusan yang sama iaitu 9.5%. Manakala pelajar semester 2 hanya merangkumi 4.75%.

4.3 Bahagian B: Grid Pelbagai Pilihan Jawapan

Tahap Kefahaman Pelajar Berkenaan Dengan Riba dan Untung





Bahagian B merupakan seksyen kedua pada borang soal selidik ini. Seksyen ini mengandungi 10 soalan dan pelajar dikehendaki untuk menjawab satu pilihan jawapan daripada setiap soalan. Terdapat 5 pilihan jawapan yang disediakan mengikut tahap kefahaman pelajar termasuk tahap-1: tidak faham langsung, tahap-2: kurang faham, tahap-3: sederhana, tahap-4: faham, dan tahap-5: sangat faham. Bagi soalan pertama iaitu 'Saya faham maksud sebenar riba dalam konteks kewangan Islam', 42.86% daripada responden menjawab tahap 4 menunjukkan majoriti responden mempunyai sedikit pengetahuan berkenaan dengan maksud riba dan untung. Soalan kedua pula ialah 'Saya boleh membezakan antara riba dan keuntungan perniagaan yang sah', majoriti daripada responden menjawab tahap 3 iaitu 38.1% daripada responden mempunyai kebolehan yang sederhana untuk membezakan antara riba dan untung perniagaan yang sah. Soalan seterusnya ialah 'Saya tahu mengapa riba diharamkan dalam Islam', memperoleh 42.86% daripada bilangan responden yang menjawab tahap 5 menunjukkan responden sangat faham kenapa riba diharamkan dalam Islam. 52.38% responden menjawab tahap 4 bagi soalan 'Saya faham bentuk-bentuk riba yang wujud dalam kehidupan seharian (contoh: pinjaman, kad kredit, dll)' yang menunjukkan lebih daripada setengah bilangan responden faham bentuk-bentuk riba. Soalan kelima iaitu 'Saya boleh mengenal pasti contoh situasi yang melibatkan riba tersembunyi' memperoleh 47.62% responden yang berpengetahuan sederhana dalam mengenal pasti contoh situasi yang melibatkan riba tersembunyi.

Seterusnya, soalan keenam adalah soalan yang juga memperoleh 47.62% menunjukkan responden faham akan soalan 'Saya faham bagaimana keuntungan perniagaan diperoleh secara sah menurut syariah'. Bagi soalan 'Saya dapat menjelaskan perbezaan antara riba dan untung kepada rakan saya' menunjukkan 42.86% responden mampu menjelaskan perbezaan antara riba dan untung kepada orang lain. Soalan seterusnya iaitu 'Saya tahu apakah implikasi atau kesan negatif apabila seseorang terlibat dalam riba' juga memperoleh 42.86% daripada bilangan responden mengetahui kesan negatif apabila seseorang terlibat dalam perniagaan yang mengamalkan riba. Selain itu, 38.1% bilangan responden menjawab tahap 4 bagi soalan 'Saya sedar bahawa tidak semua lebih dalam transaksi dikira sebagai riba' menunjukkan majoriti responden sedar dan catna berkenaan dengan caj tambahan dalam sesuatu transaksi. Soalan yang terakhir iaitu 'Saya yakin saya mampu mengelakkan diri daripada terlibat dalam transaksi yang mengandungi unsur riba' memperoleh 47.62% daripada responden yakin bahawa mereka mampu mengelakkan diri daripada terlibat dengan perniagaan riba.

Secara keseluruhannya, dapatan daripada Bahagian B soal selidik ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar UiTM mempunyai tahap kefahaman yang baik terhadap konsep riba dan untung dalam konteks muamalah Islam. Walaupun terdapat sebilangan kecil yang masih berada pada tahap sederhana atau kurang faham, peratusan tertinggi jawapan berada pada tahap 4 (faham) dan tahap 5 (sangat faham) bagi kebanyakan soalan. Ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja menyedari pengertian riba dan untung, malah turut memahami bentuk-bentuknya, sebab pengharamannya, serta kesan negatifnya dalam kehidupan seharian. Selain itu, mereka juga menunjukkan keyakinan untuk menjauhi riba dan menyampaikan kefahaman tersebut kepada orang lain. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar terhadap isu riba adalah memberangsangkan dan boleh dipertingkatkan lagi melalui pendidikan berterusan dan pendedahan yang lebih meluas dalam bidang muamalah Islam.

4.4 Bahagian C: Soalan Subjektif

Ringkasan Pendapat Responden Mengenai Riba dan Untung dalam Muamalah Islam

Hasil daripada kaji selidik yang dijalankan bertajuk "Tahap Kefahaman Pelajar UiTM Berkaitan dengan Konsep Riba dan Untung dalam Muamalah Islam", dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar responden memiliki tahap pemahaman yang baik terhadap konsep asas riba dan untung. Respon yang diterima menunjukkan bahawa para pelajar secara umumnya sedar akan perbezaan yang ketara antara dua istilah ini dari sudut hukum syarak, tujuan, serta kesan terhadap ekonomi dan masyarakat. Majoriti responden menjelaskan bahawa riba ialah faedah tambahan atau lebih yang dikenakan ke atas pinjaman atau hutang, sama ada dalam bentuk wang atau barangan. Mereka menyedari bahawa riba berlaku dalam pelbagai bentuk seperti caj tambahan oleh pihak bank, faedah dalam sistem pinjaman, atau lebih yang tidak adil dalam urus niaga. Rata-rata menyatakan bahawa riba adalah haram dalam Islam kerana ia menindas dan menganiaya pihak yang meminjam, serta tidak selaras dengan prinsip keadilan dan kesaksamaan yang ditekankan oleh syariat. Riba juga sering dilihat sebagai keuntungan tanpa usaha dan merosakkan keseimbangan ekonomi serta menindas golongan yang lemah. Sebaliknya, pelajar memahami bahawa untung ialah lebih hasil daripada aktiviti perniagaan, jual beli atau pelaburan yang sah. Keuntungan ini diperoleh hasil daripada usaha, strategi dan modal yang digunakan secara adil serta halal. Ia dibenarkan dalam Islam selagi tidak berlaku penipuan, penindasan, ataupun unsur riba. Sebahagian besar responden menyatakan bahawa untung adalah ganjaran yang halal bagi peniaga atau pelabur yang menjalankan urus niaga dengan jujur, adil dan beretika.

Terdapat juga pelajar yang mengakui mereka masih belum memahami konsep ini secara menyeluruh. Namun, mereka tetap menunjukkan kesedaran bahawa riba dan untung merupakan dua perkara yang sangat berbeza dari segi definisi dan



hukum. Ada yang menyatakan bahawa riba adalah dosa besar yang boleh membawa seseorang ke dalam kemurkaan Allah, manakala keuntungan yang diperoleh dengan cara halal dianggap diberkati dan digalakkan dalam Islam. Selain itu, beberapa responden menekankan pentingnya pendidikan dan pendedahan berterusan mengenai isu ini kepada pelajar, supaya mereka lebih celik kewangan Islam dan tidak mudah terjebak dalam transaksi yang mengandungi unsur riba. Mereka juga menekankan bahawa sebagai individu Muslim yang berilmu, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang untuk berusaha memahami dan mengelakkan riba, serta mempromosikan amalan perniagaan yang halal dan beretika. Kesimpulannya, dapatan kaji selidik ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar UiTM mempunyai kesedaran dan kefahaman yang baik mengenai perbezaan antara riba dan untung. Mereka memahami bahawa riba membawa kemudharatan dan diharamkan, manakala untung adalah hasil yang halal jika diperoleh secara adil. Oleh itu, pendidikan berterusan berkaitan muamalah Islam adalah penting agar pelajar dapat mengamalkan prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan seharian, khususnya dalam aspek kewangan dan perniagaan

5.0 Perbincangan

Keputusan kajian menunjukkan bahawa masih wujud jurang kefahaman yang ketara dalam kalangan pelajar UiTM terhadap konsep riba dan untung, terutamanya dalam konteks aplikasi sebenar dalam kehidupan harian dan sistem kewangan moden. Walaupun kebanyakan pelajar menunjukkan pemahaman asas terhadap definisi riba sebagai pertambahan yang dilarang dalam pinjaman, ramai yang masih keliru dalam membezakan antara bentuk-bentuk riba moden dan keuntungan sah yang dibenarkan oleh Islam. Kekeliruan ini boleh menyebabkan mereka terdedah kepada transaksi tidak patuh Syariah tanpa disedari, terutamanya apabila berhadapan dengan produk-produk kewangan seperti pinjaman peribadi, kad kredit, pembiayaan kenderaan dan urus niaga pelaburan. Salah satu faktor utama yang mempengaruhi tahap kefahaman ini adalah latar belakang pendidikan pelajar. Kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan agama atau yang pernah mengikuti kursus berkaitan muamalah Islam menunjukkan kefahaman yang lebih baik, berbanding pelajar daripada bidang pengajian lain yang tidak terdedah secara langsung kepada topik ini. Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan awal terhadap prinsip asas muamalah Islam memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan kefahaman pelajar mengenai isu riba dan keuntungan. Pelajar yang tidak menerima pendidikan berkaitan muamalah secara formal lebih mudah menyamakan konsep untung dengan riba, tanpa memahami perbezaan dari sudut hukum, akad, dan risiko yang terlibat. Selain itu, kajian ini menekankan keperluan untuk memperkukuhkan pendidikan muamalah Islam dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Antara cadangan penting adalah dengan mewajibkan kursus asas muamalah Islam kepada semua pelajar tanpa mengira bidang pengajian, agar mereka memahami konsep-konsep kewangan Islam secara menyeluruh dan dapat membezakan antara transaksi halal dan haram. Di samping itu, kursus-kursus ini perlu disampaikan dengan pendekatan yang lebih praktikal dan kontekstual, contohnya melalui kajian kes, simulasi perbankan Islam, dan perbincangan isu-isu semasa berkaitan kewangan Syariah. Usaha ini selaras dengan saranan oleh Zulkifli dan Rahman (2019) yang menekankan pentingnya pendidikan muamalah Islam diperluas dan diperkuatkan di peringkat universiti.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan bahawa memperkukuh kefahaman pelajar terhadap riba dan untung bukan sahaja penting dari sudut akademik, tetapi juga sebagai langkah ke arah melahirkan graduan yang celik Syariah, beretika, dan mampu membuat keputusan kewangan yang selamat serta halal. Oleh itu, peranan institusi pendidikan seperti UiTM amat penting dalam menerapkan nilai-nilai Islam secara menyeluruh dalam pendidikan tinggi, terutamanya dalam aspek muamalah yang semakin kompleks dalam dunia moden hari ini.

6.0 Kesimpulan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa walaupun tahap kesedaran pelajar terhadap hukum pengharaman riba adalah tinggi, namun tahap kefahaman yang mendalam terhadap bentuk-bentuk riba serta perbezaannya dengan konsep untung dalam muamalah Islam masih berada pada tahap yang sederhana. Ramai dalam kalangan pelajar menunjukkan pemahaman asas terhadap riba sebagai amalan yang dilarang dalam Islam, namun tidak dapat membezakan dengan tepat antara riba yang tersembunyi dalam produk kewangan moden dan keuntungan yang dibenarkan dalam urus niaga Islam. Kekeliruan ini berpunca daripada beberapa faktor, termasuk kurangnya pendedahan formal terhadap pendidikan muamalah Islam, serta pendekatan pengajaran yang terlalu bersifat teori dan tidak berkait dengan aplikasi dunia sebenar. Kekurangan kefahaman ini memberi kesan yang signifikan terhadap cara pelajar membuat keputusan dalam hal-hal kewangan harian, termasuk dalam aspek pinjaman, pelaburan, serta perancangan kewangan masa hadapan. Dalam dunia yang semakin kompleks dengan pelbagai produk kewangan, kefahaman yang lemah tentang riba dan untung boleh membawa kepada keputusan kewangan yang tidak patuh Syariah, sama ada disedari atau tidak. Oleh itu, adalah penting bagi institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) memainkan peranan lebih proaktif dalam membina kesedaran dan kefahaman pelajar secara menyeluruh.



Sebagai langkah ke hadapan, UiTM disarankan untuk memperbanyak kursus-kursus berkaitan kewangan Islam, bukan sahaja untuk pelajar dalam bidang pengajian Islam atau perakaunan, malah juga kepada pelajar daripada semua fakulti sebagai kursus umum atau elektif. Kursus ini perlu dirangka agar merangkumi bukan sahaja aspek teori, tetapi juga pendekatan aplikasi seperti kajian kes, perbincangan tentang produk kewangan semasa, serta latihan mengenal pasti unsur riba dalam urus niaga moden. Usaha ini penting bagi memastikan pelajar bukan sahaja mengetahui hukum riba dan untung dari sudut dalil, tetapi juga dapat mengenal pasti bentuk-bentuknya dalam konteks kewangan hari ini. Selain daripada kursus formal, aktiviti kesedaran berbentuk seminar, bengkel, dan forum terbuka juga perlu dijalankan secara berkala. Aktiviti ini boleh melibatkan pakar dalam bidang kewangan Islam, tokoh akademik, serta institusi kewangan Islam bagi memberi pendedahan langsung kepada pelajar. Melalui platform ini, pelajar dapat mengajukan soalan, berdialog, dan mendapatkan penjelasan secara terus mengenai isu-isu kontemporari berkaitan muamalah Islam. Penyertaan aktif dalam program sebegini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kefahaman, tetapi juga mampu membentuk sikap positif dalam kalangan pelajar untuk mengamalkan prinsip-prinsip kewangan Islam dalam kehidupan mereka. Akhir sekali, disarankan agar kajian lanjutan dijalankan pada masa hadapan dengan melibatkan lebih banyak kampus, pelajar daripada pelbagai fakulti, serta menggunakan pendekatan campuran kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh. Hasil kajian seperti ini amat penting dalam membantu pembuat dasar universiti menggubal kurikulum serta strategi pendidikan Islam yang lebih efektif dan inklusif. Secara keseluruhan, usaha memperkukuh kefahaman pelajar terhadap konsep riba dan untung dalam muamalah Islam merupakan langkah penting ke arah melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, tetapi juga memiliki integriti, celik Syariah, dan mampu menjadi pengguna serta profesional yang bertanggungjawab dalam kerangka ekonomi Islam.

Rujukan

- Ahmad, R. (2020). Tahap pengetahuan pelajar terhadap riba dalam transaksi kewangan. *Jurnal Muamalat Islam*. Retrieved from <https://www.example.com>
- Zulkifli, H., & Rahman, M. (2019). Muamalah Islam dan pendidikan kewangan di IPTA. *International Journal of Islamic Studies*. Retrieved from <https://www.example.com>
- Al-Quran al-Karim. (n.d.). The Holy Qur'an. Retrieved from <https://quran.com>
- Bank Negara Malaysia. (2023). Islamic finance development report. Retrieved from <https://www.bnm.gov.my>